

PERSEPSI AMALAN PENYELIAAN PENGAJARAN GURU DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAWASAN BANDAR DI PENAMPANG, SABAH

**PERCEPTION ON THE PRACTICE OF TEACHER SUPERVISION IN
URBAN SECONDARY SCHOOLS IN PENAMPANG, SABAH**

Mohammad Azri Amatan¹

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia.
(Email: mazria_2387@yahoo.com.my)

Jo Ann Lee²

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia.

Ramlah Ag. Ali³

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia.

Rusnah Rubin⁴

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia.

Received date: 15-10-2019

Revised date: 24-10-2019

Accepted date: 25-10-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Amatan, M. A., Ann, L. J., Ag Ali. R., & Rubin, R. (2019). Persepsi Amalan Penyeliaan Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kawasan Bandar Di Penampang, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 238-250.

DOI: 10.35631/IJEPC.4330019

Abstrak: Proses penyeliaan guru merupakan komponen penting dalam usaha peningkatan prestasi guru seterusnya memartabatkan lagi profesyen perguruan di Malaysia. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti persepsi guru terhadap Amalan Penyeliaan Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kawasan Bandar Di Penampang, Sabah. Teknik pensampelan rawak mudah digunakan terhadap 123 orang guru sebagai responden. Kajian kuantitatif tinjauan ini dilakukan melalui pengumpulan data menggunakan set borang soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 25.0. Secara keseluruhannya, persepsi guru terhadap pelaksanaan amalan latihan penyeliaan, pengurusan program pemantapan kurikulum dan pelaksanaan ganjaran tentang amalan penyeliaan pengajaran guru yang dilakukan di sekolah menengah kawasan bandar di Penampang masing-masing dilaporkan adalah tinggi. Keputusan ujian ANOVA pula mendapat wujud perbezaan persepsi terhadap pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru. Sebagai maklum balas, penyelidik mengemukakan cadangan untuk diberi perhatian oleh pihak berkepentingan.

Kata Kunci: Penyeliaan, Pengajaran Guru

Abstract: The teacher supervision process is an important component in the effort to increase teacher performance and in turn elevate the teaching profession in Malaysia. Hence, this study was conducted to identify the perception of teacher supervision in urban secondary schools within the district of Penampang, Sabah. Random sampling was applied to select 123 teacher respondents. Data collection for this exploratory quantitative study was gathered through a survey. The data was then analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 software. Overall, teacher respondents perceive that execution of supervision training, curriculum improvement management, and execution of rewards in the Penampang secondary schools involved were high. Results from the ANOVA test showed that there is a difference of perception towards execution of supervision training based on gender and years of teaching experience. As feedback, the researchers make several suggestions for stakeholders involved.

Keywords: Supervision, Teaching

Pendahuluan

Pendidikan yang berlangsung melalui sekolah sebagai suatu institusi merupakan satu proses yang kompleks di mana seseorang guru merupakan watak yang amat penting, malah menjadi peranan yang utama untuk memastikan pembelajaran yang berkualiti berlaku. Kerja mengajar sebagai satu profesyen memerlukan guru individu untuk menjadi fasilitator kepada pembelajaran di mana guru perlu merancang dan melaksanakan pelajaran yang efektif, membina hubungan yang bermakna dengan pelajar, di samping mencapai segala matlamat yang ditentukan oleh pentadbiran sekolah. Setiap guru menguruskan keperluan pelbagai pihak berkepentingan atau dikenali sebagai *stakeholder's* yang terdiri daripada pelajar, rakan sekerja dan pihak pengurusan sekolah, iaitu pihak yang berhubung secara terus dengan guru. Hal ini tidak lagi termasuk pihak-pihak lain yang terlibat secara tidak langsung. Seperti setiap profesyen, guru yang pakar dibentuk oleh masa dan pengalaman serta komitmen untuk terus meningkatkan pencapaian tahun demi tahun. Dalam sistem ini, penyeliaan guru merupakan satu komponen yang sungguh penting bagi memastikan matlamat-matlamat yang ditetapkan dicapai dengan baik. Penyeliaan guru merupakan satu sistem akauntabiliti dan pengawalan kualiti tetapi juga merupakan satu titik pelancaran dalam usaha untuk sentiasa meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan. Oleh itu, ia sangat penting untuk meninjau keberkesanan amalan penyeliaan pengajaran guru dan memahami pelaksanaannya dari sudut pandangan guru sendiri agar proses dua hala antara penyelia dan pihak yang diselia dapat berjalan dengan efektif.

Antara anjakan yang ditentukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah untuk memartabatkan profesyen perguruan. Hal ini bermaksud, segala pelaksanaan tugas guru dan mutu guru dalam sistem haruslah ditingkatkan standardnya untuk lebih efektif, efisien dan menuju kepada kemenjadian pelajar yang lebih baik. Dalam hal ini, pengalaman seharian guru dalam sistem pendidikan awam Malaysia harus difahami. Realitinya, tugas guru penuh dengan cabaran kerana bidang tugas guru adalah luas dan intensif. Seseorang guru bertanggungjawab untuk beberapa kelas yang berlainan umur dan kadang-kadang untuk subjek yang berbeza. Selain itu, guru perlu memantau dan melaksanakan aktiviti ko-kurikulum di luar waktu sekolah. Bukan itu sahaja, guru juga perlu memasukkan dan menganalisa data pencapaian pelajar. Mereka juga terlibat dalam inisiatif sarana ibu bapa. Tambahan lagi, guru berfungsi sebagai staf sesebuah organisasi (sekolah) dan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa untuk memastikan operasi seharian di sekolah berjalan lancar. Senarai yang dibincangkan ini bukanlah eksklusif, namun mesaj utama yang jelas disampaikan adalah

seseorang guru di dalam sistem pendidikan awam mempunyai pelbagai peranan selain mengajar dalam kelas. Dari segi sokongan dan pembangunan guru, semua guru menghadiri sejumlah jam minima kursus dan latihan dalam setahun. Latihan ini dianjurkan oleh setiap sekolah atau diberikan oleh Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Program latihan ini pula merentasi pelbagai topik dari pembangunan kendiri ke taklimat perubahan dasar. Namun, pengalaman setiap guru adalah berbeza dari sekolah ke sekolah. Bukan itu sahaja, di bawah Program Transformasi Pendidikan terkini, sekolah diberikan jurulatih (*School Improvement Specialist Coaches, SISC*) untuk membantu guru meningkatkan prestasi dan pencapaian mereka (Fadzly Izab, 2015). Ruang untuk latihan guru menjadi laluan mempertimbangkan cara untuk memberikan sumber demi kebijakan dan perkembangan guru.

Tinjauan Literatur

Penyeliaan Pengajaran

Mette et al. (2017) berpendapat penyeliaan pengajaran berfokus pada sokongan yang berterusan, penambahbaikan pengajaran dan pembangunan profesional guru. Penyeliaan boleh melibatkan pelbagai usaha formal dan informal, termasuklah Model Penyeliaan Klinikal di mana sesi pra dan pasca pemerhatian pengajaran dijalankan, aktiviti pembangunan staf dalam bentuk individua atau kumpulan, pembangunan portfolio, menetapan matlamat, analisa data dan refleksi. Selain itu, Fisher (2001) menjelaskan bahawa penggunaan senarai semak penyeliaan bukanlah paling utama dalam penyeliaan, malah penyeliaan yang berkualiti bermula daripada pemerhatian yang teliti dan atas teori pengajaran yang kukuh. Beliau juga memerihalkan bahawa penyelia perlu kompeten dalam aspek-aspek seperti mengetahui apa untuk dinilai, cara membuat pemerhatian dalam bilik darjah dan menganalisis maklumat yang diterima hasil daripada pemerhatian dan sumber data yang lain serta cara menggunakan data untuk memberikan maklum balas yang relevan kepada guru untuk menambahbaik praktis pengajaran. Dalam proses ini, penyelia di sekolah khususnya pihak pentadbir perlu mempertimbangkan cara untuk melaksanakan program penyeliaan yang mengimbangi integriti penilaian yang berkualiti dengan pemeliharaan motivasi dan psikologi guru (Zepeda, 2007).

Komponen Penyeliaan Latihan Guru

Band Guskey dan Sparks (1991) mendefinisikan pembangunan professional sebagai proses multi-dimensi yang mengandungi aspek latihan, aktiviti persediaan, amalan, bimbingan dan tindakan susulan serta sokongan. Pendapat Hashim (2000) menepati pandangan ini iaitu antara tindakan yang menyusuli penyeliaan pengajaran ialah perjalanan kursus yang berkaitan untuk memberi guru pengajaran di dalam mengatasi kelemahan dan kekurangan mereka ketika penyeliaan pengajaran. Fullan (2001) juga berpandangan, pembangunan profesional merupakan suatu ruang di mana guru-guru banyak mendapat maklumat dan pengetahuan berkaitan dengan kurikulum. Fullan (2001) menjelaskan, pembangunan professional dapat meningkatkan dan memperbaiki teknik instruksional guru khususnya dalam bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, dimensi Pelaksanaan Latihan menjelaskan ciri-ciri latihan pengurusan program penyeliaan pengajaran guru yang merujuk kepada perkara berikut;

1. Memastikan isi kandungan modul latihan yang terkini dan selari dengan dasar perkembangan semasa bidang penyeliaan pengajaran guru di sekolah.
2. Memastikan kemahiran tinggi para pembimbing/jurulatih.
3. Memastikan keberkesaan program latihan kepada guru.
4. Memastikan pelaksanaan latihan menjana motivasi kerja guru.

5. Memastikan kerjasama guru biasa dan guru pentadbir di sekolah untuk menjayakan latihan yang telah, sedang dan akan diadakan.
6. Memastikan warga guru mengambil berat soal kepentingan pelaksanaan latihan pengurusan program tersebut di sekolah.

Komponen Pengurusan Program Kurikulum

Chan dan Gurnam (2009) menjelaskan bahawa pentadbir sekolah seperti pengetua, selain memegang tanggungjawab penyelia, juga merupakan pengurus kurikulum di sekolah. Ini melibatkan tiga tugas yang utama iaitu (1) memastikan program pengajaran dan pembelajaran berlangsung secara mantap, kondusif dan aman; (2) memajukan dan memperkembangkan prestasi organisasi di bawah kepimpinan mereka dan (3) meningkatkan profesionalisme guru-guru di bawahnya supaya dapat melihat kecemerlangan. Castler (2010) menyatakan pengetua sebagai pihak pengurusan perlu memberi sokongan pengurusan untuk membolehkan guru-guru menjadi efektif. Peretomode (2013) berpandangan bahawa kegiatan pihak pengurusan merupakan interaksi sosial yang melibatkan suatu siri peristiwa yang dirancang, dikoordinasikan, dipantau, dinilai dan dikawal untuk mencapai output yang paling efisien. Pengurusan program adalah komponen penting untuk mencapai produktiviti pekerja. Dalam erti kata lain, pengurusan program yang baik membolehkan proses pembelajaran guru yang berterusan dan mampan (Akinfolarin dan Emetarom, 2017). Dalam konteks kajian ini, dimensi pengurusan program kurikulum pula menjelaskan ciri-ciri pengurusan program kurikulum yang perlu dilaksanakan secara bersepadu merujuk kepada perkara berikut:

1. Memastikan perancangan program dilaksana secara bersepadu.
2. Memastikan penglibatan semua guru biasa dan guru pentadbir sekolah bagi merancang program berkenaan.
3. Memastikan program diusahakan dengan mendapat kerjasama semua guru.
4. Memastikan semua program kurikulum dipantau oleh pihak guru pentadbir dengan berkesan.
5. Memastikan pengurusan yang berkesan dan mencapai objektif program.
6. Memastikan pengurusan program yang bersepadu memberi kesan kepada motivasi kerja guru di dalam bilik darjah.
7. Memastikan pelaksanaan latihan pengurusan program kurikulum akan memudahkan guru mencapai objektif pelaksanaan program tersebut di sekolah.
8. Memastikan pendokumentasian program yang berkualiti.
9. Memastikan warga guru merancang, mengurus dan melaksana program tersebut berlandaskan takwim yang telah disepakati oleh semua warga guru di sekolah.

Komponen Ganjaran Guru

Akinfolarin dan Emetarom (2017) menyatakan bahawa guru patut diberikan ganjaran untuk usaha dan dedikasi mereka. Dijelaskan bahawa, ganjaran boleh mengambil bentuk penyediaan fasiliti yang baik, penglibatan guru dalam membuat keputusan, amanah yang lebih signifikan, pakej kebijakan guru dan penghargaan yang setimpal. Akinfolarin dan Emetarom (2017) menghuraikan perkara ini sebagai semua ganjaran memberikan motivasi kepada guru untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang tertinggi serta mengekalkan prestasi yang cemerlang. Dalam konteks kajian ini, dimensi pelaksanaan ganjaran kepada guru pula adalah merujuk kepada ciri-ciri pelaksanaan pemberian ganjaran sebagai penghargaan kepada kalangan guru yang terbukti cemerlang semasa menjayakan program tersebut di sekolah:

1. Memastikan ganjaran kepada guru sebagai menghargai sikap positifnya bagi menjayakan objektif program tersebut dengan cemerlang.

2. Memastikan pemilihan guru penerima ganjaran diurus dan ditadbir dengan adil oleh pihak guru pentadbir di sekolah.
3. Memastikan sokongan dan kerjasama warga guru bagi pelaksanaan pemberian ganjaran kepada guru di sekolah.
4. Memastikan pelaksanaan ganjaran guru boleh menaikkan martabat sekolah sebagai role model kepada sekolah lain dalam aspek amalan pelaksanaan ganjaran kepada guru bagi memperkasa pembangunan kurikulum di sekolah.
5. Memastikan pelaksanaan ganjaran kepada guru bagi memartabatkan profesionalisme guru dan membuka peluang baginya membina peluang kerjaya lebih cemerlang pada masa depan.

Pernyataan Masalah

Sememangnya, proses penyeliaan guru merupakan komponen penting kepada usaha peningkatan prestasi guru dan untuk memartabatkan profesyen perguruan. Harus diingatkan bahawa aktiviti penyeliaan langsung hanya merupakan satu bahagian daripada proses penyeliaan. Pelbagai struktur sebelum, semasa dan selepas bahagian tersebut perlu dibina untuk menyokong kitaran penyeliaan yang berjaya iaitu daripada aspek pembinaan hubungan antara penyelia dan pihak yang diselia sehingga ke cara pengurusan kurikulum oleh pihak pentadbir yang membolehkan guru untuk melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Di samping itu, sejajar dengan perkembangan cara pembelajaran pelajar dan keperluan kurikulum semasa, kriteria penyeliaan guru juga perlu berubah. Misalnya, jika Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baru dilaksanakan mulai tahun 2017 lebih menekankan pembelajaran koperatif dan peranan guru lebih sebagai fasilitator pembelajaran, maka kriteria penyeliaan guru juga perlu berubah untuk mengikuti arah ini. Paling penting, seperti mana pelajar-pelajar perlu memahami objektif pembelajaran untuk setiap sesi pembelajaran untuk mengetahui kriteria untuk kejayaannya, guru-guru juga perlu memahami kriteria untuk kejayaan mereka iaitu pemahaman yang mencukupi tentang cara mereka akan dinilai, aspek-aspek yang patut dijangkakan serta prestasi yang perlu dicapai. Dengan ini, guru dapat membuat refleksi berterusan dengan lebih efektif dan mengenal pasti aspek-aspek prestasinya yang memerlukan sokongan yang lebih. Bukan itu sahaja, ia adalah kurang adil kepada pihak guru untuk diselia tanpa diberikan pemahaman dan kemahiran yang mencukupi tentang proses penting ini yang akan menyumbang kepada perkembangan kerjaya mereka. Oleh itu, kajian ini ingin memahami persepsi guru tentang tahap amalan penyeliaan pengajaran guru. Lebih spesifik, aspek utama yang ditumpukan ialah latihan tentang amalan penyeliaan pengajaran guru di mana guru diberikan pengetahuan tentang proses penyeliaan, diikuti dengan aspek tahap kualiti pengurusan program kurikulum oleh sekolah setersunya penggunaan ganjaran untuk guru.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap persepsi pelaksanaan amalan latihan penyeliaan pengajaran guru
2. Mengenal pasti tahap persepsi pengurusan program kurikulum pemantapan pelaksanaan amalan penyeliaan pengajaran guru
3. Mengenal pasti tahap persepsi pelaksanaan ganjaran untuk guru
4. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran guru berdasarkan jantina.
5. Mengenal pasti perbezaan persepsi pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan melalui soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan persepsi guru terhadap Amalan Penyeliaan Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kawasan Bandar Penampang, Sabah. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif. Reka bentuk kajian pendidikan merujuk kepada bagaimana kaedah pengkaji mendapatkan maklumat untuk mencapai sesuatu objektif kajianya (Hoy & Miskel, 2001; Marianne & Briggs, 2002; Biesta & Burbules, 2003) Kaedah dan reka bentuk kajian akan menentukan hasil kajian dan reka bentuk kajian yang selari dengan tujuan kajian dilaksanakan dan akan menjadi asas bagi menjawab semua persoalan kajian (Mohd Majid, 1993; Mohd Najib, 1999; Khadlid, 2003; Zuraidah, 2009). Dua (2) buah sekolah kategori bandar telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu SMK Bahang dan SM ST. Micheal, Penampang. Instrumen kajian menggunakan instrumen yang dibina oleh Ahmad Kamal (2016) yang pada asalnya mempunyai 101 item merentasi lima dimensi. Instrumen ini telah diuji oleh Ahmad Kamal (2016) dan mempunyai nilai Alpha Cronbach yang memuaskan iaitu masing-masing 0.78, 0.74 dan 0.81 bagi dimensi Latihan, Kurikulum dan Ganjaran. Bond dan Fox (2007) memerihalkan nilai kebolehpercayaan mele过asi 0.70 adalah baik dan boleh diterima. Untuk kajian ini, hanya tiga dimensi digunakan, iaitu Dimensi Pelaksanaan Latihan Pengurusan Program (10 item), Dimensi Pengurusan Program Kurikulum (9 item) dan Dimensi Pelaksanaan Ganjaran Kepada Guru (10 item) dengan jumlah keseluruhan 29 item. Oleh kerana reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif maka, data-data berbentuk statistik akan digunakan sebagai medium kajian. Setiap item dalam soal selidik ini menggunakan skala likert 5-point dan berdasarkan tanggapan guru-guru dalam menjawab soal selidik berkenaan. Jumlah sampel kajian ialah seramai 123 orang guru yang terdiri daripada guru-guru sekolah menengah kategori bandar di Penampang. Teknik persampelan rawak mudah digunakan dalam kajian ini. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis serta telah mendapat kesahan muka dan kandungan instrumen sebelum mengendalikan kajian sebenar.

Dapatan Kajian

Analisis Profil Demografi Responden Kajian (Guru)

Profil responden kajian telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu dengan melihat frekuensi dan peratusan. Responden kajian adalah terdiri dari seramai 123 orang guru sekolah menengah kategori bandar di Penampang, Sabah untuk menilai persepsi mereka terhadap amalan penyeliaan pengajaran guru. Jadual 1 menerangkan tentang latar belakang responden kajian dari aspek jantina dan pengalaman mengajar guru.

Jadual 1: Profil Demografi Responden Kajian (Guru)

<i>Maklumat Responden (N=123)</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Peratus (%)</i>
Jantina	50	40.7
Lelaki	73	59.3
Perempuan		
Pengalaman Mengajar	1	2.4

Kurang 1 Tahun	46	37.4
2 Hingga 5 Tahun	40	32.5
6 Hingga 10 Tahun	12	9.8
11 Hingga 15 Tahun	1	0.8
16 Hingga 20 Tahun	21	17.1
Melebihi 20 Tahun		

Jadual 1 menjelaskan tentang latar belakang responden kajian yang melibatkan seramai 123 orang guru sekolah menengah bandar di Penampang, Sabah. Daripada keseluruhan 123 orang responden, didapati seramai 50 orang lelaki. Jumlah tersebut 40.7 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Selebihnya, 73 orang adalah guru perempuan (59.3 peratus). Seterusnya, berdasarkan faktor umur responden pula terdapat seramai 13 orang (10.6 peratus) berumur kurang dari 25 tahun, 37 orang (23.1 peratus) berada dalam kategori guru berumur 26 hingga 30 tahun, bagi guru berumur di antara 31 hingga 35 tahun pula adalah seramai 40 orang (32.5 peratus), guru berumur di antara 41 hingga 45 tahun pula adalah seramai 3 orang (2.4 peratus) dan akhirnya 12 orang (9.8 peratus) berada dalam kategori guru berumur lebih dari 45 tahun. Dari aspek pengalaman mengajar, kebanyakkan responden adalah terdiri dari guru yang mempunyai pengalaman mengajar 2 hingga 5 tahun ke atas iaitu seramai 46 orang (37.4 peratus), 40 orang (32.5 peratus) berpengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun, 21 orang (17.1 peratus) mempunyai pengalaman mengajar kurang 1 tahun dan 1 orang (0.8 peratus) berpengalaman 16 hingga 20 tahun. Sementara itu, terdapat 99 orang (80.5 peratus) guru memiliki ijazah sarjana muda, 20 orang (16.3 peratus) pada tahap diploma perguruan, seramai 3 orang (2.4 peratus) lain-lain kelayakan, 1 orang (0.8 peratus) sijil perguruan.

Analisis Tahap Pelaksanaan Amalan Latihan, Tahap Pengurusan Program Kurikulum Dan Tahap Pelaksanaan Ganjaran Untuk Guru

Analisis skor min telah dijalankan untuk menentukan tahap skor min setiap boleh ubah kajian. Penentuan tahap bagi ketiga-tiga boleh ubah diinterpretasi berdasarkan skor min Landell (1997). Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian, didapati tahap Pelaksanaan Amalan Latihan adalah Tinggi (skor Min=3.762 dan S.P=0.464). Tahap Pengurusan Program Kurikulum juga dilaporkan berada pada tahap tinggi (Min=3.442 dan S.P=0.573). Manakala, Tahap Pelaksanaan Ganjaran Untuk Guru turut didapati berada pada tahap tinggi (Min=3.732 dan S.P=0.393).

Jadual 2: Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh Ubah Kajian	Min (M)	Sisihan Piawai (S.P)	Tahap
Pelaksanaan Amalan Latihan	3.762	0.464	Tinggi
Pengurusan Program Kurikulum	3.442	0.573	Tinggi
Pelaksanaan Ganjaran Untuk Guru	3.732	0.393	Tinggi

Analisis Perbezaan Persepsi Pelaksanaan Amalan Latihan Tentang Penyeliaan Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina

Kaedah Ujian T Sample Bebas digunakan bagi menganalisis sama ada wujud perbezaan yang signifikan dalam persepsi pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran guru berdasarkan faktor demografi jantina guru. Jadual 3 dan 4 menunjukkan keputusan ujian.

Jadual 3: Statistik Ujian T Sample Bebas

<i>Group Statistics – T Test</i>						
	<i>Jantina</i>	<i>N</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>	<i>Std. Error Mean</i>	
Amalan	Lelaki	50	3.9500	.43448	.06145	
Latihan Guru	Perempuan	73	3.6336	.44259	.05180	

Jadual 4: Ujian-t Sample Bebas

<i>Independent Samples Test</i>										
	<i>Levene's Test for Equality of Variances</i>	<i>t-test for Equality of Means</i>								
		<i>F</i>	<i>Sig.</i>	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>				
						<i>Mean Difference</i>				
Amalan	Equal Variances Assumed	.352	.554	3.924	121	.000	.31644	.08065	.15677	.47610
nLatih an Guru	Equal Variances Not Assumed			3.937	106.717	.000	.31644	.08037	.15711	.47576

Berdasarkan ujian *Levene*, nilai signifikan 0.554 lebih besar daripada .05. Oleh itu, pengkaji menggunakan baris *equal variances assumed* bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi tahap pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran antara guru lelaki dan perempuan. Hasil dapatan yang diperolehi seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4 Ujian-t Sampel Bebas, Pelaksanaan Amalan Penyeliaan di antara guru lelaki dan guru perempuan adalah berbeza secara signifikan, $t(123)=3.924, p<.05$. Dapatkan ini mengesahkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan persepsi pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran guru mengikut jantina.

Analisis Perbezaan Persepsi Pelaksanaan Amalan Latihan Tentang Penyeliaan Pengajaran Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Kaedah Ujian ANOVA Sehala Sampel Bebas digunakan bagi menganalisis sama ada wujud perbezaan yang signifikan dalam persepsi pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Jadual 5 dan 6 menunjukkan keputusan ujian tersebut.

Jadual 5: Statistik Deskriptif ANOVA Sehala Sampel Bebas

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Min	Max
					Lower Bound	Upper Bound		
Kurang 1 Tahun	3	4.5000	.00000	.00000	4.5000	4.5000	4.50	4.50
2 - 5 Tahun	46	3.5571	.55007	.08110	3.3937	3.7204	2.50	5.00
6 - 10 Tahun	40	3.8313	.30950	.04894	3.7323	3.9302	3.13	4.25
11 - 15 Tahun	12	3.6563	.38481	.11109	3.4118	3.9007	3.25	4.38
16 - 20 Tahun	1	3.3750	3.38	3.38
Melebihi 21 Tahun	21	4.0536	.27549	.06012	3.9282	4.1790	3.38	4.38

Jadual 6: Ujian ANOVA Sample Bebas

ANOVA					
Perlaksanaan Amalan Latihan Guru	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	5.827	5	1.165	6.65	.000
Within Groups	20.499	117	.175		
Total	26.325	122			

Ujian *Levene Statistic* bagi menentukan varians seimbang adalah signifikan, $k<.05$. Justeru, diandaikan bahawa varians populasi adalah seimbang bagi setiap kumpulan umur guru. Jadual ANOVA menunjukkan nilai $df=5,122$, $F=6.652$ dan aras kesignifikanan menunjukkan signifikan, $k<.05$. Justeru, dapatan kajian ini jelas menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan pelaksanaan amalan penyeliaan pengajaran guru mengikut pengalaman mengajar.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, guru di Sekolah Menengah Daerah Penampang yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini bersetuju dengan bahawa tiga konstruk dimensi pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu amalan latihan pelaksanaan program penyeliaan pengajaran guru, pengurusan program kurikulum dan pelaksanaan ganjaran kepada guru terbukti menyumbang kepada kecemerlangan dalam menjayakan pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di sekolah. Dapatkan kajian ini jelasnya menyokong pandangan Lovell J.T (1978) dan Lovell dan Wiles (1983) bahawa aspek latihan, pengurusan program kurikulum, dan pelaksanaan ganjaran guru sangat signifikan bagi mencapai objektif pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru yang berkesan di sekolah. Dapatkan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Ahmad Kamal et al. (2014) iaitu pemboleh ubah pelaksanaan latihan, pengurusan program kurikulum dan pelaksanaan ganjaran kepada guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanannya pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru yang bersepada di sekolah. Ketiga-tiga pemboleh ubah ini adalah selaras dengan Model Proses Tingkah Laku Penyeliaan Pengajaran Guru oleh Lovell J.T (1978).

Selain itu, persepsi guru terhadap pelaksanaan penyeliaan pengajaran di Sekolah Menengah di Daerah Penampang secara statistiknya juga adalah berbeza mengikut faktor demografi jantina dan pengalaman mengajar guru. Hal ini bermakna, guru perlu diberikan akses serta peluang sama rata khususnya dalam proses perlaksanaan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di sekolah serta perlu bersifat bersepadu. Disamping itu, kajian ini juga mendapati warga guru di sekolah bersetuju pelaksanaan latihan jika diadakan membantu guru memahami objektif dan hala tuju pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di sekolah dengan lebih jelas. Namun, masalah utama pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di sekolah adalah kurangnya latihan bersepadu sebelum program tersebut diadakan (Halimah, 2006 dan Olivia dan Pawlas, 2004).

Kesedaran dan kefahaman berhubung objektif program pastinya akan membantu guru menjayakan program tersebut dengan lebih lancar, bersistem dan bermakna. Hopskin (2010) menyatakan penyeliaan pengajaran guru di sekolah mesti dilaksana dengan berobjektif, teratur dan jelas hala tujunya. Pemahaman kalangan guru berhubung objektif, kaedah pelaksanaan terbaik dan hala tuju pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru di sekolah adalah sangat penting bagi menghasilkan kejayaan dalam melaksana dan memastikan kejayaan program tersebut mencapai objektifnya dengan cemerlang setiap sekolah berkaitan (Glatthorn, 1984; Mohd Zolkifli dan Lokman, 2007 dan Peter, 2011). Bagi mencapai kejayaan dalam pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah, semua guru hendaklah bekerjasama bagi menjayakan proses pelaksanaannya secara bersepadu di sekolah. Pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru boleh berjaya mencapai objektifnya melalui usaha bersama memastikan proses pelaksanaannya iaitu dari segi pengurusan program kurikulum di dalam bilik darjah, pelaksanaan latihan guru dan pelaksanaan ganjaran kepada guru diadakan dengan sistematik, terancang dan melibatkan kerjasama semua guru secara konsisten. Jelasnya, pelaksanaan penyeliaan pengajaran guru yang berkesan sangat penting bagi memartabat profesionalisme guru yang akhirnya membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar di sekolah.

Cadangan

Secara keseluruhan dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran adalah tinggi. Selaras dengan ini, dalam meningkatkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran supaya lebih positif maka dicadangkan pihak Sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan penyeliaan pengajaran. Kursus-kursus ini dijangkakan akan dapat meningkatkan kefahaman lebih mendalam untuk guru-guru terutamanya kepentingan penyeliaan pengajaran yang dijalankan. Hal ini disebabkan, elemen latihan yang diterima guru sama ada di peringkat universiti atau maktab perguruan adalah berbeza apabila seseorang guru berhadapan dengan situasi sebenar dalam konteks sekolah. Disamping itu, adalah dicadangkan pihak KPM, JPN dan PPD melaksanakan pemantauan ke atas sekolah-sekolah dari semasa ke semasa. Dengan ini, persepsi guru terhadap amalan penyeliaan pengajaran dapat dikenal pasti dan dibuat penambahbaikan.

Selain itu, dicadangkan juga pihak KPM mengambil inisiatif dan tindakan sewajarnya dalam menyediakan satu jawatankuasa bagi pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah. Perkara ini dilihat penting bagi membantu meringankan beban tugas pengetua atau guru besar yang terpaksa menguruskan penyeliaan pengajaran terhadap guru-guru terlibat. Dengan adanya jawatankuasa ini guru-guru dapat menumpukan perhatian yang lebih terhadap pengajaran dan pembelajaran. Dari aspek cadangan kajian pula, aspek yang boleh diambil kira untuk penyelidikan akan datang ialah kajian boleh dilakukan terhadap sampel yang lebih besar dan boleh juga dilakukan perbandingan di antara guru-guru sekolah menengah dan rendah, sekolah

kerajaan dan sekolah swasta, pelajar-pelajar yang menghadiri sekolah harian dan sekolah berasrama penuh dan sebagainya. Kajian yang dijalankan pada masa depan pula diharap tidak hanya memberi tumpuan kepada guru-guru sahaja malahan boleh diperluaskan kepada penyelia-penyelia yang menjalankan penyeliaan pengajaran. Selain itu, oleh kerana kajian ini cuma tertumpu atau mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan kategori bandar sahaja di Penampang, justeru kajian lain juga boleh dijalankan dengan lebih luas merangkumi daerah-daerah lain agar dapat membuat perbandingan. Perkara ini penting untuk memberikan gambaran yang luas mengenai persepsi guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan terhadap guru-guru di Sekolah Menengah.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Didapati tahap persetujuan guru-guru sekolah menengah kawasan bandar di Penampang Sabah tentang pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran guru, pengurusan program kurikulum dan pelaksanaan ganjaran adalah tinggi. Dalam konteks kajian ini, dapatan kajian mengabsahkan bahawa persepsi pelaksanaan amalan latihan tentang penyeliaan pengajaran adalah berbeza mengikut faktor demografi jantina dan pengalaman mengajar guru. Kajian ini juga diharapkan membuka ruang kepada pihak berkepentingan mengenal pasti dan mengusahakan pembentukan suasana lebih positif dan mendokong yang akhirnya dapat memantapkan aspek amalan latihan penyeliaan pengajaran guru.

Rujukan

- Ahmad Kamal, Ariffin (2016) *Pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan motivasi kerja guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Selangor / Ahmad Kamal Ariffin*. PhD thesis, University of Malaya. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/6934>
- Akinfolarin, A.V.&Emetarom U.G. (2017). Principals' Management Support Practices to Promote Teachers' Instructional Improvement for Sustainable Development in Secondary Education in Anambra State, Nigeria. Paper Presented at the 36th Annual National Conference of the Nigerian Association for Educational Administration and Planning (NAEAP). ESUT, Enugu State, October 9–12. Retrieved from <https://eric.ed.gov/?q=curriculum+management+principal&ft=on&id=ED577704>
- Aminuddin Adam. (2005). Penyeliaan dan penilaian. Kertas Kerja Yang Dibentang Dalam Seminar Kepimpinan Instruktional Untuk Pengetua/Guru Besar. Genting Highland: Institut Aminuddin Baki.
- Biesta, G. J. J., & Burbules, N. C. (2003). Pragmatism and educational research. Lanham: Rowman And Litdefield.
- Bond, T. & Fox, C. (2007). Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement In The Human Sciences (2nd). Mahwah, NJ: LEA.
Buku 1. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
Buku 2. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
- Castller,A.O.(2010).Management Support Qualification and Gender on Teachers' Performance at an In-Service Course. Nigerian Journal of School Leadership,15(1),12-17.
- Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. (2009). Investigating Leadership Characteristics of an Excellent Principal in Malaysia. International Education Studies, 4(2), 106 – 116.
- Chua, Y. P. (2006). Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan:
- Chua, Y. P. (2006). Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan:
- Chua, Y.P. (2011). Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. McgrawHill
- Chua, Yan Piaw (2009). Statistik Penyelidikan Lanjutan. II, Ujian Regresi, Analisis Education.

- Fadzly Izab. (2015, June 20). SISC Bantu Lahir Guru Berkemahiran Tinggi, Murid Kreatif. Utusan Online. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sisc-bantu-lahir-guru-berkemahiran-tinggi-murid-kreatif-1.104986>
- Faktor Dan Analisis SEM. Buku 5. Shah Alam: McGraw-Hill (M).
- Fisher, K. (2001). Building Better Outcomes: The impact of school infrastructure on student outcomes and behaviour. Department of Education, Training and Youth Affairs: Australia.
- Fullan, M.G, (2001). The new meaning of educational change (3rd ed.). New York: Teachers College Press.
- Glatthorn, A.A (1998). Theories of Supervision: Introduction. In Firth, G.R & Pajak, E.F (Eds). Handbook of Research on School Supervision, 1029-1031. New York: Simon & Schuster Macmillan.
- Guskey, T.R., & Sparks, D. (1991). What to consider when evaluating staff development. Educational Leadership, 49(3), 73-76.
- Halimah Harun. (2006). Minat, motivasi dan kemahiran mengajar guru pelatih. Jurnal Pendidikan. 31. 83-96.
- Hashim Hamad. (2000). Peranan Pengetua Sebagai Penyelia dan Pemimpin di Sekolah. Tesis Sarjana, UPM.
- Hopkins, D. (2003). Instructional leadership and school improvement dalam Harris, A., Day, C.Hopkins, D., Hadfield, M. Hargreaves, A. & Chapman, C. (Pnyt.). Effective Leadership ForSchool Improvement, 55-71. London: Routledge Falmer.
- Hoy, W. K. & Miskel, C. G. (2008). Educational administration: Theory, research, and practice. (8 th Ed.). New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Khadlid Johari. (2003). Kajian dalam pendidikan, konsep dan prosedur. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd
- Kline, R. B. (2011). Principles and Practice of Structural Equation Modeling. (3rd Ed) London: The Guilford Press.
- Landell, K. (1997). Management by Menu. London: Wiley and Sons Inc.
- Lovell, J. T (1978). Instructional Supervision: Emerging Perspective, The Roles and Responsibilities of Instructional Supervisors, Washington: A.W Sturgess Publications.
- Lovell, J. T. & Wiles, K. (1983). Supervision for better schools. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Marianne, C., & Ann, R. J. B. (2002). Research methods in educational leadership and management. London: Paul Chapman Publishing.
- Mette et.al., (2017). The wicked problem of the intersection between supervision and evaluation. International Electronic Journal of Elementary Education 9(3):709-724
- Ministry of Education, Malaysia (2014). Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ministry of Education, Malaysia (2016). Buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Putrajaya: Curriculum Development Division.
- Ministry of Education, Malaysia. (2013). Executive Summary: Malaysian Education Blueprint 2013-2025. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). Kajian pendidikan. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (1993). Kaedah kajian pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Zolkifli Abd. Hamid dan Lokman Mohd Tahir. (2007). Penyeliaan Pengajaran Dalam Latihan Mengajar Dari Perspektif Kepimpinan Situasi. In: The 5th ASEAN Symposium on Educational Management and Leadership (ASEMAL 5), 18-19 August 2007, Legend Hotel, Kuala Lumpur. (Unpublished)

- Oliva, P. F., And Pawlas, G. E. (2004). Supervision for today's schools (7th Ed.). Hoboken: John Wiley.
- Pearson, K. (1895). Contributions to The Mathematical Theory of Evolution. –II. Skew Variation in Homogeneous Material. Phil. Trans. Royal Society London, series A, 186, 343-414.
- Peretomode,V.F.(2013).Theories of Management:Implications for Educational Administration. Abraka: Justice Jeco Printing & Publishing Global Delta Stat.
- Peter Baffour Awuah (2011). Supervision of Instruction in Public Primary Schools In Ghana: Teachers And Headteachers Perspectives. Doctoral Dissertation of Education. Ghana: Murdoch University.
- Sufean Hussin (1993). Pendidikan di Malaysia, sejarah, sistem dan falsafah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tabachnick, B. G & Fidell, L. S. (2007). Using Multivariate Statistics. (5th Ed). New York: Pearson Education, Inc.
- Zepeda, S. J. (2007). Instructional Supervision: Applying Tools and Concepts. Second edition. New York: Larchmont.
- Zuraidah Abdullah (2009). Profil Komuniti Pembelajaran Profesional Sekolah Menengah Malaysia. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.